

KENYATAAN MEDIA

18 JULAI 2018

Perusahaan Dobi Perlu Dapatkan Kelulusan dan Lesen Dari ST

Putrajaya, 18 Julai – Mana-mana perusahaan dobi di negara ini yang menggunakan sistem paip gas berpusat yang menggunakan gas petroleum cecair (LPG) untuk operasinya perlu mendapatkan kelulusan dan lesen yang sah dari Suruhanjaya Tenaga (ST), bagi memastikan pemasangan sistem talian paip gas tersebut selamat untuk digunakan.

Kegagalan mendapatkan kelulusan dan lesen dari ST adalah melanggar Akta Bekalan Gas 1993 dan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997. Pada masa ini, kurangnya kesedaran terhadap keperluan undang-undang dan pematuhan piawai keselamatan yang berkaitan menyebabkan berlakunya kes kemalangan yang disebabkan oleh kebocoran gas.

Kegagalan mematuhi Subseksyen 11(1) Akta Bekalan Gas 1993 boleh menyebabkan pengusaha terbabit dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, dan didenda selanjutnya sehingga RM1,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan. Mana-mana sistem perpaipan atau bahagiannya yang digunakan atau dicadangkan hendak digunakan dalam melakukan kesalahan itu juga boleh dilucuthakkan.

Sementara itu, Peraturan 15(1) Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 menyatakan:

“Sebelum memulakan kerja pada pemasangan gas baru atau sambungan gas, seseorang hendaklah memohon kepada Suruhanjaya bagi kelulusan untuk memasang dan hendaklah melampirkan lukisan sistem yang direka bentuk sewajarnya kepada skala yang sesuai atau dalam anjuran isometri yang menunjukkan semua butir pemasangan gas itu”.

Peraturan 16 peraturan sama pula menyatakan:

“Apabila siap sesuatu kerja pada pemasangan gas yang baru, pemohon hendaklah memohon bagi kelulusan untuk mengendalinya daripada Suruhanjaya dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis berserta Perakuan Siap yang dikeluarkan di bawah peraturan 17 dan Perakuan Ujian yang dikeluarkan di bawah peraturan 18”.

Kegagalan untuk mematuhi kedua-dua peraturan ini boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 jika sabit kesalahan, dan dalam hal kesalahan berterusan, boleh didenda sehingga RM2,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

ST juga ingin memberi amaran bahawa premis dobi yang menggunakan sistem talian paip gas berpusat adalah merupakan kawasan larangan merokok. ST menggesa orang ramai agar mematuhi amaran ini bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.